

11 NOV 1999

MAHATHIR-IKHM

KUALITI HIDUP TIDAK DAPAT DICAPAI TANPA PERTUMBUHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kualiti hidup yang memberi manfaat kepada generasi semasa dan generasi akan datang tidak boleh dicapai tanpa pertumbuhan ekonomi.

Dengan demikian, walaupun Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) menunjukkan rekod kualiti hidup yang positif bagi negara ini, namun perubahan-perubahan ini bergantung kepada pencapaian pertumbuhan dan peningkatan tahap pendapatan yang berterusan, katanya.

"Tidak dapat dinafikan, bahawa gandingan aspek ekonomi dan aspek pembangunan yang lain adalah sangat penting," tegas beliau.

Dr Mahathir menyatakan ini dalam perutusannya yang terkandung dalam kata alu-aluan laporan Kualiti Hidup Malaysia yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri hari ini.

IKHM, yang dikembangkan oleh UPE adalah satu indeks komposit yang menentukan kualiti hidup rakyat Malaysia dengan menggunakan pedekatan yang lebih kuantitatif.

UPE menyatakan dalam laporan tersebut bahawa kualiti hidup Malaysia meningkat dengan mendadak dalam 18 tahun yang lalu dengan IKHM mencatat peningkatan beransur-ansur dari 86.2 mata pada tahun 1980 kepada 105.7 pada tahun 1998.

Dr Mahathir menegaskan bahawa IKHM, seperti juga bagi kebanyakan indeks kualiti hidup di negara-negara lain di dunia, tidak dapat menggambarkan sepenuhnya semua aspek yang berkaitan dengan kualiti hidup rakyat.

"Ini termasuklah aspek yang sukar diukur seperti keharmonian dalam negara, perpaduan antara pelbagai kaum, etika kerja dan nilai hidup yang baik, peningkatan peluang ekonomi dan politik serta yang paling penting, keamanan, yang sangat diperlukan untuk mencapai kemajuan.

"Malaysia perlu berbangga dengan pencapaian cemerlang dalam kedua-dua aspek yang boleh diukur dan tidak boleh diukur ini," katanya.

Kemajuan, menurut Dr Mahathir, hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan.

Kata beliau rakyat berhak mendapat manfaat daripada pembangunan dan kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan wujudnya suasana bagi pertumbuhan sosio ekonomi.

"Dalam hal ini, strategi utama negara yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru, 1970-1990 dan Dasar Pembangunan Nasional, 1991-2000, serta Wawasan 2020 telah memberi tumpuan kepada pembangunan manusia dan pada hakikatnya menyediakan kualiti hidup yang lebih baik untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat," tambah Dr Mahathir.

Beliau juga menegaskan bahawa sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 41 tahun lalu, keutamaan telah diberikan kepada usaha memajukan negara dalam semua aspek termasuk kualiti hidup.

Tumpuan diberikan kepada usaha memperbaiki kehidupan golongan miskin; menyediakan peluang meningkatkan pendapatan; menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan asas yang lain; memastikan persekitaran kerja yang lebih baik; melindungi alam sekitar dan mewujudkan pra-syarat yang baik untuk pembangunan, tegas Dr Mahathir. -- BERNAMA

AD KY os